

# Kastam rampas 1 bilion rokok seludup

**PUTRAJAYA:** Rampasan satu bilion batang rokok seludup.

Itu sasaran Jabatan Kastam Diraja Malaysia untuk tahun ini bagi mengekang sindiket membawa masuk rokok seludup melibatkan beberapa operasi dilakukan.

Ketua Pengarahnya, Datuk Seri Abdul Latif Abdul Kadir berkata, malah sebanyak 785 juta batang rokok seludup pelbagai jenama dirampas dalam operasi seluruh negara sejak awal tahun hingga 1 November lalu.

“Keseluruhan rokok diseludup itu dianggarkan bernilai RM60 juta dengan jumlah cukai sekitar RM539 juta,” katanya dalam sidang akhbar mengumumkan kejayaan kastam menumpaskan sindiket penyeludupan rokok di sekitar Lembah Klang baru-baru ini.

Beliau berkata, permintaan produk itu tetap ada bahkan ketika awal pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dari Mac hingga Julai lalu.

Namun tambahnya, dalang di sebalik sindiket sedang dikesan kerana mereka licik dengan mengisytiharkan kontena kosong dan beliau berharap me-



**ABDUL Latif Abdul Kadir (empat dari kanan) menunjukkan rokok seludup yang dirampas dalam operasi sekitar Lembah Klang di Putrajaya semalam. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA**

sin pengimbas dapat ditambah pada tahun depan.

“Taktik penyeludup ini yang dikesan memindahkan rokok dari kontena kepada lori disorok di kawasan tertentu tumpas apabila dicekup pihak kastam,” katanya.

Abdul Latif berkata, empat

lori ditahan di tiga lokasi berbeza hasil pemantauan selama dua hari dan hasil pemeriksaan menemukan rokok pelbagai jenama berjumlah 11.3 juta batang.

Katanya, rampasan itu disyaki barang larangan import atau belum diluluskan kastam yang dianggarkan bernilai RM2.3 juta

dengan jumlah duti dan cukai terlibat sebanyak RM7.7 juta.

Penyeludup itu tambahnya, ditumpaskan pada 18 November lalu hasil tindakan Unit Siasatan Dalaman dan Unit Siasatan Fraud Perdagangan serta Cawangan Integriti Ibu pejabat Kastam.